

---

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

### **SAU315 – Masyarakat Maklumat**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

#### **BAHAGIAN 1 (60 markah)**

(Soalan 1, 2 dan 3 adalah **WAJIB**)

1. Bina satu model komunikasi berdasarkan Internet. Jelaskan elemen-elemen dalam model anda. Bincangkan dengan terperinci tentang model anda. (20 markah)
  
2. Ada dua pendapat mengenai ‘masyarakat maklumat’. Apakah kedua-duanya? Pilih dua ahli teori bagi mewakili setiap pendapat. Bincang dan bandingkan hujah-hujah mereka. (20 markah)
  
3. Pilih **EMPAT (4)** daripada enam konsep di bawah dan huraikan:
  - (i) Keruntuhan/Kejatuhan makna (*A Collapse of Meaning*)
  - (ii) Komodifikasi maklumat (*Commodification of Information*)
  - (iii) Individuasi (*Individuation*)
  - (iv) Maklumat sampah (*Garbage Information*)
  - (v) Kerajaan kapitalis (*Capitalist State*)
  - (vi) Simulasi (*Simulations*)(20 markah)

**BAHAGIAN II** (40 markah)

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

4. Perbincangan mengenai kewujudan ‘masyarakat maklumat’ sering dilihat dari empat aspek. Apakah aspek-aspek tersebut? Pilih dua dari aspek tersebut dan bincangkan. Apakah kelemahan-kelemahan kedua-dua aspek tersebut?  
(10 markah)
  
5. Menurut Daniel Bell, bagaimanakah masyarakat pasca-industrialisme wujud? Apakah peranan ‘maklumat’ di dalam masyarakat jenis ini?  
(10 markah)
  
6. Jelaskan paradoks dalam dunia moden yang melibatkan pengumpulan maklumat. Apakah yang dimaksudkan dengan “lebih banyak maklumat yang diketahui, lebih luas peluang seseorang itu untuk mengekalkan ‘individualiti’nya?  
(10 markah)
  
7. Mengapakah mengikut Herbert Schiller, lebih banyak maklumat tidak bererti yang kehidupan sesuatu masyarakat akan menjadi bertambah baik? Perbincangan mesti mengambil kira *ketidaksamaan kelas* dan *tekanan pasaran*.  
(10 markah)
  
8. Apakah yang menyebabkan lahirnya sfera publik (*public sphere*) mengikut Habermas? Apakah ciri-cirinya? Dan mengapakah keberkesanannya dilihat semakin menurun?  
(10 markah)
  
9. Bincangkan sifat-sifat signs dalam masyarakat pasca-modernisme. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘kematian makna’ (*death of signs*) oleh ahli-ahli teori pasca-modernisme?  
(10 markah)